

Sasaran bakal jadi kenyataan pertengahan tahun ini

# Lembah Pantai bebas setinggan

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN  
faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Pembinaan lima buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Lembah Pantai, di sini yang dimulakan sejak tahun 1997 lalu bertujuan menyelesaikan masalah penempatan setinggan di kawasan itu hampir menjadi realiti.

Ini kerana sebanyak 5,056 unit rumah disediakan melalui projek

PPR itu berbanding hanya 3,689 keluarga setinggan yang dikenal pasti oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Terbaru, PPR Kerinchi yang disiapkan penghujung tahun lalu menjadi ukuran kejayaan kerajaan dan DBKL menangani masalah mereka di situ.

Antara PPR lain yang telah dibina iaitu PPR Kampung Limau, PPR Sri Anggerik, PPR Pantai Ria dan PPR Cempaka di bawah

seliaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Ekoran itu, kawasan tersebut yang sebelum ini berselerak bakal berubah wajah menjadi tempat yang lebih tersusun dengan bangunan kediaman yang tinggi-tinggi selain dapat merencanakan nilai ekonomi di situ.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan DBKL, Datuk Mohd. Amin Nordin Abdul Aziz berkata, soal setinggan di kawasan terbabit dijangka selesai pada pertengahan tahun ini.

"Kerajaan telah menyediakan rumah PPR yang lebih dari bilangan keluarga setinggan itu dan kami DBKL sedang dalam proses memindahkan mereka," katanya ketika dihubungi KOSMO!, di sini semalam.

Sehubungan itu, menurutnya, sebanyak 2,580 keluarga telah dipindahkan dan ketika ini cuma tinggal 1,109 keluarga sedang dalam proses perpindahan ke lima buah PPR itu.

"Masalah yang timbul ketika ini ialah penemuan setinggan baru se-

lepas itu, kerajaan akan menambah bilangan rumah PPR untuk rumah setinggan.

Salah seorang penduduk di Rumah Panjang Keretapi Tanah Melayu (KTM) seramai 1,187 keluarga merupakan bekas setinggan terbesar di sini dan pihaknya berjaya menyelesaikan proses perpindahan mereka.

Tambahnya, kawasan Rumah Panjang KTM itu akan dijadikan pusat komersial, kediaman dan kemudahan awam yang dikenali Pantai Sentral.



SEBAHAGIAN orang ramai beratur mengambil kunci semasa majlis penyerahan surat tawaran PPR Lembah Pantai, Kampung Kerinchi baru-baru ini.



BEGINILAH reka bentuk PPR Kerinchi yang dilengkapi taman permainan dan padang bola selain selesa kepada penduduknya di Kuala Lumpur.

## Rumah PPR ubah nasib bekas setinggan di ibu kota

KUALA LUMPUR - Pengawasan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, Lembah Pantai kepada 1,187 keluarga daripada Rumah Panjang Keretapi Tanah Melayu (KTM), di sini merupakan tahun baru yang bermakna mereka.

Mana tidaknya, ketika ini mereka yang sebelum ini tinggal di penempatan yang tidak berselesa, beres-beres di sini berubah kepada kediaman yang lebih selesa dengan pelbagai kemudahan awam disediakan.

Rata-rata penduduk amat menghargai dengan pemberian itu dan berharap penawaran rumah PPR itu bukan sekadar sebagai penyewa tetapi ingin memilikinya sendiri kelak.



JUSOH



NOOR ROSMIRA



ZULKARNAIN

Tinjauan KOSMO! ke perumahan itu dapat menyaksikan gelagat penghuni baru tersebut yang kini sibuk melakukan kerja pembersihan dan pengubahsuaian rumah mereka seper-

ti memasang gril serta perkakasan elektrik selain tidak melepaskan membawa perabot baru.

Bagi seorang penduduk, Zulkarnain Hasan, 39, mengakui rumah

baru itu memberi keselesaan terutama kepada keluarga yang tidak mempunyai ramai anak.

"Rumah baru ini menyediakan tiga bilik, dua bilik air dan dapur berbanding rumah panjang dahulu yang cuma ada dua bilik serta sebuah bilik air," ujarnya kepada KOSMO!, di sini semalam.

Menurutnya, selain rumah yang luas, kediaman mereka turut disediakan kemudahan seperti surau, tiga lif di setiap blok, taman rekreasi dan tempat letak kereta yang banyak.

Tambahnya, sewa yang dikenakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu sebanyak RM124 sebulan dan beliau merasakan ia berpatutan dengan kemudahan yang diberi.

Bagi pasangan muda, Noor Rosmira Aduni Abdul Rahim, 21, berasakan teruja dengan rumah baru itu menyifatkan ia merupakan hadiah paling berharga buat pasangan muda berkahwin.

"Kalau tidak diberikan rumah ini mungkin kami akan tinggal beres-beres dalam rumah panjang itu dengan ibu ayah dan adik-adik yang lain," katanya.

Menurutnya, kehairan mereka mendapat rumah itu menyebabkan beliau membelanjakan hampir RM10,000 bagi mengisi dan menghiasi rumah itu.

Bagi bakal penghuni, Jusoh Daud, 60, menyatakan beliau tidak sabar untuk berpindah ke rumah baru itu kerana banyak jiran dan rakannya sudah berpindah ke situ.